



29 APR, 2024

## Tanabalan berjaya tiba di Madinah

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# Tanabalan berjaya tiba di Madinah

**SHAH ALAM** - Seorang rakyat Malaysia bukan Islam, Tanabalan, 37, yang menyertai kembara motosikal ke Makkah bersama 18 individu lain sejak 20 Mac lalu berjaya tiba di Madinah pada Sabtu selepas 40 hari ekspedisi itu.

Pemuda yang bertugas sebagai pembaca meter Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu berkata, dia amat gembira menyertai Jelajah Silaturahim ter-

sebut walaupun baru pertama kali menyertai kembara bagi jarak perjalanan yang jauh.

"Selamat sampai di Madinah dengan motosikal, ini matlamat utama saya menyertai Jelajah Silaturahim. Saya berjaya melakukannya dan ramai saudara Islam dan rakan-rakan membantu dari segi kewangan untuk melancarkan perjalanan. Terima kasih kepada semua yang membantu.

"Saya memang aktif menunggang motosikal sejak 10 tahun lalu secara solo dan berkumpul ke Sabah, Sarawak, Brunei, Indonesia (Kalimantan), Thailand, Laos, Vietnam dan Kemboja. Ini kembara paling jauh dan ada cabaran tersendiri namun menyeronokkan.

"Ada lokasi tidak dibenarkan orang bukan Islam masuk, saya tidak akan pergi. Macam kembara ini sepatutnya ke Makkah tapi saya hanya mengikutinya sampai di Madinah bagi melihat bangunan dan budaya masyarakat Arab," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tanabalan yang menunggang motosikal jenama Honda RS 150cc berkata, dia suka menjelajah bagi mencari pengalaman hidup dan menambah ilmu pengetahuan.

Menurutnya, misi jelajah negara yang dilakukan, tidak memandang perbezaan agama sebagai halangan kerana dia sangat menghormati peraturan di semua tempat.

"Sebelum ini saya juga sudah biasa melawat tempat ibadah agama lain seperti masjid, gereja dan tokong Buddha," katanya.



Tanabalan yang menyertai kembara motosikal ke Makkah selamat tiba di Madinah pada Sabtu.